

KEMPEN MAKAN-MAKAN SEPTEMBER

SOALAN-SOALAN LAZIM

1. Siapakah yang layak untuk menyertai kempen ini?

Kempen ini terbuka kepada semua pemegang Kad Kredit-i Bank Rakyat (kad kredit-i utama dan kad kredit-i tambahan) termasuk warga kerja Bank Rakyat yang memegang Kad Kredit-i Bank Rakyat (Kad Kredit-i utama dan Kad Kredit-i tambahan) kecuali pemegang Kad Kredit-i Korporat.

2. Apakah yang ditawarkan dalam kempen Makan Makan September?

Kempen ini menawarkan rebat sebanyak 5% bermula 15 September 2023 sehingga 15 Oktober 2023 atau sehingga peruntukan rebat terkumpul telah dibayar kepada pemegang Kad Kredit-i Bank Rakyat (Kad Kredit-i utama dan Kad Kredit-i tambahan).

Pembelian hanya tertakluk pada makanan yang halal atau restoran yang telah mendapat pengiktirafan halal JAKIM.

3. Bagaimanakah rebat 5% ini diterima?

Rebat 5% akan dikreditkan atas transaksi yang **telah dibilkan sahaja**. Jumlah rebat akan dipaparkan pada penyata bulanan pemegang kad Kad Kredit-i Bank Rakyat (Kad Kredit-i utama dan Kad Kredit-i tambahan).

4. Bilakah kempen ini akan berlangsung?

Kempen ini akan mula berlangsung pada 15 September 2023 sehingga 15 Oktober 2023 atau sehingga peruntukan rebat terkumpul telah dibayar kepada pemegang Kad Kredit-i Bank Rakyat (Kad Kredit-i utama dan Kad Kredit-i tambahan).

5. Adakah terdapat had bagi jumlah transaksi?

Tiada had ditetapkan bagi jumlah transaksi sepanjang tempoh kempen berlangsung.

6. Apakah jenis transaksi yang layak menerima pulangan tunai seperti yang dinyatakan?

Transaksi yang layak menerima pulangan tunai ini adalah daripada kategori kod *merchant* (MCC) seperti berikut:

- a) 5812-Makan di restoran (*dine-in*)
- b) 5814-Makan di restoran dan laman sesawang (*dine-in and online*)

7. Berapakah jumlah transaksi minimum yang diperlukan untuk layak menerima rebat?

Jumlah transaksi minimum sebanyak RM30.00 dan ke atas diperlukan untuk layak menerima rebat.

8. Di manakah maklumat berkaitan jumlah rebat yang diperoleh untuk bulan semasa boleh didapati?

Keterangan bagi jumlah rebat yang diperoleh untuk bulan semasa boleh disemak menerusi penyata Kad Kredit-i Bank Rakyat (Kad Kredit-i utama dan Kad Kredit-i tambahan) pada bulan berikutnya.

9. Adakah rebat 5% ini boleh dipindah milik?

Rebat ini tidak boleh dipindah milik kepada akaun pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau barangan.

10. Di manakah maklumat lanjut berkaitan kempen ini boleh didapati?

Maklumat lanjut berhubung kempen ini boleh didapati di:

- Laman sesawang Bank Rakyat melalui www.bankrakyat.com.my
- Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian: 1300-80-5454
- Pusat Kad Bank Rakyat di talian: 03-2693 6880
- Laman sosial Bank Rakyat: Facebook, Instagram dan Twitter